

LANGKAH LANGKAH PENGAJARAN AL QURAN

MENGAJAR MAKHRAJ HURUF.

1. TAKRIF :

- a. Baca Takrif makhraj dan terjemahkan teks.
- b. Guru membaca teks dan mengulang dua atau tiga kali, pelajar ikut beramai-ramai.
- c. Beberapa orang pelajar dipilih / sukarela membaca, pelajar lain ikut sebutan secara serentak.
- d. Guru membuat penerangan maksud takrif pada bahasa dan istilah. Selangselikan dengan menyoal hingga pelajar faham.
- e. Tunjukkan slide / powerpoint. Pelajar mencatat dalam buku tulis berasingan (bukan buku teks).
- f. Hafaz takrif dengan pantas (beri beberapa minit) ikut tahap pelajar.
- g. Semakan sesama rakan.
- h. Guru buat semakan rambang. Pilih beberapa orang pelajar.
- i. Hafaz takrif beserta makna.
- j. Untuk galakan, hafaz sambil berdiri. Yang dapat boleh duduk. Bagi hadiah galakan sekali sekala.
- k. Susun dua barisan. Pelajar yang dapat menghafaz akan bergerak ke barisan yang sudah hafaz.
- l. Catatkan dalam borang pengesanan hafazan beserta tahap pencapaian pelajar.
- m. Ulangi sehingga guru berpuashati kerana pelajar dapat memberi reaksi / menjawab dengan pantas seperti menghafaz sifir.

2. MAKHRAJ AM:

- a. Guru membaca teks, pelajar mengikuti beramai-ramai.
- b. Ulang beberapa kali mengikut keperluan. Pilih beberapa orang pelajar untuk membaca.
- c. Guru menterjemah teks dan membuat penerangan.
- d. Sebagai pengukuhan kefahaman, tunjukkan slide / powerpoint. Gunakan video klip yang disediakan.
- e. Guru menyelitkan kepentingan menguasai Makhraj huruf bagi pembaca al Quran dan kesan mengabaikannya.
- f. Minta pelajar menghafaz dengan pantas dan menyebut dengan spontan kelima-lima makhraj am tersebut.
- g. Semakan hafazan sesama pelajar bergilir gilir.
- h. Boleh adakan pertandingan pasangan / kumpulan mana yang lebih pantas menyebut dengan tepat.
- i. Guru menerangkan letaknya kelima lima makhraj am tersebut serta maksudnya.
- j. Pelajar diminta menyebut kembali kelima limanya serta dapat menunjukkan tempat di mana makhraj yang dimaksudkan.

- k. Guru meminta semua pelajar menerangkan makhray am, maksud serta kawasan yang dimaksudkan sambil mencatat tahap pencapaian pelajar di dalam borang pengesahan makhray.
3. MAKHRAJ KHAS:
- a. Sebelum berpindah ke makhray Khas, pastikan pelajar disoal hafazan mereka terdahulu dan mampu memberi reaksi dengan pantas serta tepat. Ini sangat penting, kerana selagi pelajar tidak mengingati dengan baik; pelajaran seterusnya akan menjadikannya sulit untuk diikuti.
 - b. Baca Takrif makhray khas dan terjemahkan teks.
 - c. Guru membaca teks dan mengulang dua atau tiga kali, pelajar ikut beramai ramai.
 - d. Pilih satu makhray khas sahaja bagi setiap sesi pembelajaran. Misalnya memulai dengan makhray halqum sahaja.
 - e. Jika didapati pelajar lambat faham, ambil satu bahagian sahaja dari makhray halqum seperti pangkal halqum dan huruf apa yang keluar darinya.
 - f. Beberapa orang pelajar dipilih / sukarela membaca, pelajar lain ikut sebutan secara serentak.
 - g. Guru membuat penerangan maksud Makhray Khas dan pembahagiannya.
 - h. Guru mencontohkan sebutan huruf yang keluar dari makhray berkenaan serta kesilapan kerap sama ada lahn jalii atau khofiy yang dilakukan oleh pembaca al-Quran.
 - i. Selangselikan dengan menyatakan hingga pelajar faham.
 - j. Tunjukkan slide / powerpoint/ video yang disediakan. Pelajar mencatat dalam buku tulis berasingan (bukan buku teks).
 - k. Hafaz Makhray khas (halqum tadi) dengan pantas (beri beberapa minit) ikut tahap pelajar.
 - l. Buat semakan sesama rakan.
 - m. Guru buat semakan secara rawak. Pilih beberapa orang pelajar untuk mengemukakan hafazan masing-masing.
 - n. Hafaz Makhray khas yang baru dipelajari; biar sedikit, tetapi tepat dan lancar.
 - o. Untuk galakan, hafaz sambil berdiri. Yang dapat boleh duduk. Bagi hadiah galakan sekali sekala.
 - p. Susun dua barisan. Pelajar yang dapat menghafaz akan bergerak ke barisan yang sudah hafaz. Pelajar yang paling lambat mesti diambil perhatian. Jika perlu, diadakan kelas tahanan.
 - q. Boleh guna apa juga bentuk permainan yang bersesuaian asalkan pelajar faham dan dapat menghafaz dengan pantas serta melekat kuat diingatan.
 - r. Catatkan dalam borang pengesahan hafazan beserta tahap pencapaian pelajar.
 - s. Ulangi proses ini sehingga selesai semua makhray khas diajar, dihafaz dan dikuasai dengan baik seperti pelajar mengingati sifir dalam matematik.

- t. Setiap kali tajuk / makhraj khas yang baru dipelajari; pelajar mesti sentiasa diulangkaji hafazan dan penguasaan mereka terhadap tajuk sebelumnya.
 - u. Guru mesti sentiasa mengingatkan pelajar tentang pentingnya pelajar menguasai setiap makhraj dengan baik agar pelajaran akan datang tidak semakin menyulitkan mereka.
4. MENGAJAR SIFAT-SIFAT HURUF:
- a. Baca Takrif Sifat Sifat Huruf dan terjemahkan teks.
 - b. Guru membaca teks dan mengulang dua atau tiga kali, pelajar ikut beramai ramai.
 - c. Guru menyelitkan kepentingan menguasai sifat sifat huruf bagi pembaca al Quran dan kesan mengabaikannya.
 - d. Beberapa orang pelajar dipilih / sukarela membaca, pelajar lain ikut sebutan secara serentak.
 - e. Guru membuat penerangan maksud Sifat-Sifat Huruf. Apakah maksud Haq dan Mustahaqqul Huruf dalam Ilmu Tajwid.
 - f. Selangselikan dengan menyoal hingga pelajar faham perbezaan antara haq dan mustahaqqul huruf.
 - g. Tunjukkan slide / powerpoint. Pelajar mencatat dalam buku tulis berasingan (bukan buku teks).
 - h. Hafaz Makhraj khas (halqum tadi) dengan pantas (beri beberapa minit) ikut tahap pelajar.
 - i. Buat semakan sesama rakan.
 - j. Guru buat semakan secara rawak. Pilih beberapa orang pelajar untuk mengemukakan hafazan masing-masing.
 - k. Hafaz Makhraj khas yang baru dipelajari; biar sedikit, tetapi tepat dan lancar.
 - l. Untuk galakan, hafaz sambil berdiri. Yang dapat boleh duduk. Bagi hadiah galakan sekali sekala.
 - m. Susun dua barisan. Pelajar yang dapat menghafaz akan bergerak ke barisan yang sudah hafaz. Pelajar yang paling lambat mesti diambil perhatian. Jika perlu, diadakan kelas tahanan.
 - n. Boleh guna apa juga bentuk permainan yang bersesuaian asalkan pelajar faham dan dapat menghafaz dengan pantas serta melekat kuat diingatan.
 - o. Catatkan dalam borang pengesanan hafazan beserta tahap pencapaian pelajar.
 - p. Ulangi proses ini sehingga selesai semua makhraj khas diajar, dihafaz dan dikuasai dengan baik seperti pelajar mengingati sifir dalam metamatik.
 - q. Setiap kali tajuk / makhraj khas yang baru dipelajari; pelajar mesti sentiasa diulangkaji hafazan dan penguasaan mereka terhadap tajuk sebelumnya.
 - r. Guru mesti sentiasa mengingatkan pelajar tentang pentingnya pelajar menguasai setiap makhraj dengan baik agar pelajaran akan datang tidak semakin menyulitkan mereka.